



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT RAIKAN PENCAPAIAN PEMAJU TEMPATAN MERANGKUL 9 ANUGERAH DALAM FIABCI 2025

PUTRAJAYA, 17 JULAI 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) hari ini menganjurkan **Majlis Penghargaan Kecemerlangan Pemaju Hartanah Malaysia** bagi meraikan pencapaian gemilang syarikat-syarikat pemaju tempatan yang berjaya mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa menerusi kemenangan dalam *FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2025*. Majlis tersebut disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

FIABCI World Prix d'Excellence Awards merupakan anugerah hartanah paling berprestij di peringkat global yang memberi pengiktirafan kepada projek-projek cemerlang berdasarkan reka bentuk, fungsi, inovasi, dan kelestarian.

Tahun ini, Malaysia terus mencipta rekod membanggakan apabila berjaya merangkul **lima (5) pingat emas dan empat (4) pingat perak** dalam pelbagai kategori pertandingan iaitu :

PINGAT EMAS	
Kategori Perumahan Mampu Milik	I-Santorini (Ideal Property Group)
Kategori Industri	Nouvelle Industrial Park @ Kota Puteri (EXSIM)
Kategori Alam Sekitar	Iringan Bayu Wetland Park (OSK Property)
Kategori Perumahan Bertingkat Rendah	The Light Collection IV (IJM Land Berhad)
Kategori Pejabat	TSLAW Tower (TSLAW Land)

PINGAT PERAK	
Kategori Hotel	Hyatt Centric Kota Kinabalu (Hap Seng Land Sdn Bhd)
Kategori Pejabat	Sentul Works (YTL Land & Development Berhad)
Kategori Perumahan Bertingkat Tinggi	SkyLuxe on The Park Residences (SkyWorld Development Berhad)
Kategori Perumahan Bertingkat Rendah	S P Setia Berhad (S P Setia)

Susulan kepada kejayaan ini, KPKT juga akan menjadi **tuan rumah Persidangan Hartanah ASEAN (ASEAN Real Estate Conference - AREC) 2025** yang dijadual berlangsung pada **23 hingga 26 Julai 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)**. Satu pameran khas akan diadakan sempena persidangan bagi mempamerkan senarai pemaju hartanah tempatan yang telah memenangi pingat emas di *FIABCI World Prix d'Excellence Awards* kepada para pengunjung, pelabur dan delegasi antarabangsa.

Menurut YB KM, “Kejayaan ini mencerminkan kemajuan sektor hartanah negara yang semakin komited dalam menyediakan pembangunan berkualiti tinggi serta lestari. Ia membuktikan bahawa Malaysia mampu bersaing di peringkat antarabangsa, apabila projek-projek tempatan terus meraih pengiktirafan global.”

YB KM turut menyatakan harapan agar pencapaian ini menjadi pencetus semangat dalam menggalakkan lebih banyak syarikat tempatan untuk terus berusaha mencapai standard antarabangsa dan meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju dalam pembangunan perbandaran.

Sejajar dengan agenda Malaysia MADANI, KPKT kekal komited menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pemaju tempatan berkembang pesat serta menyumbang secara signifikan kepada sektor perumahan dan pembangunan negara.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertivi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my